



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.6/2024
PADA 26 JUN 2024 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum. Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera. Salam Malaysia Madani.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai
 - IV. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
 - V. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - VI. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - VII. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - VIII. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
 - IX. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming telah menyampaikan ucapan pada **World Cities Summit** di Singapura, ujar beliau, prinsip Panduan Perancangan Bandar hendaklah sentiasa mengutamakan nilai kemanusiaan. Selain itu, keadilan sosial, belas kasihan & pendekatan berpaksikan rakyat juga harus sentiasa menjadi keutamaan.
5. Dalam masa yang sama, PLANMalaysia turut telah mengeluarkan satu Garis Panduan Perancangan yang khusus kepada perancangan bandar rendah karbon iaitu Garis panduan Perancangan Bandar Rendah Karbon dan Berdaya Tahan Perubahan Iklim tahun 2023. Garis panduan ini disediakan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi pelaksana berkaitan memahami dan mengintegrasikan aspek perubahan iklim dalam perancangan spatial dan gunatanah.
6. Oleh itu, sebagai penyedia perkhidmatan perbandaran di Seremban, segala perancangan pembangunan Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon menjelang 2027 dalam tempoh dua tahun ini hendaklah dilaksanakan dengan mengikut segala aspek berpandukan

garis panduan yang ditetapkan dan elemen-elemen pendekatan berpaksikan rakyat juga harus sentiasa menjadi keutamaan.

7. PBT akan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak di seluruh negara bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat. Kecemerlangan mutu perkhidmatan PBT juga akan terus dipertingkatkan dalam memastikan segala manfaat dapat dinikmati oleh rakyat sejajar dengan hasrat Kerajaan MADANI demi kesejahteraan masyarakat Malaysia.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Bulan Jun sinonim dengan **Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia** yang diraikan pada 5 Jun. Sambutan ini diraikan setiap tahun bagi *awareness* terhadap memelihara dan memulihara alam sekitar khususnya di kawasan sekitar kita. Oleh itu, kita perlulah menyedari dan bertindak akan kepentingan memelihara & memulihara alam sekitar dari segi kesihatan persekitaran kita dengan menyokong pelbagai inisiatif yang disediakan MBS, SWCorp, Jabatan Alam Sekitar dan agensi NGO.
9. Sehubungan dengan itu, untuk makluman semua sempena **Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Sembilan** Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan akan mengadakan Program Pengumpulan Barang Buangan Elektrik & Elektronik (E-Waste) pada 29 & 30 Jun 2024 ini , di Masjid Klana Petra Mohd Yusof, Sikamat

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

10. Pada penggal pertama 2024, prestasi MBS bagi belanja mengurus adalah sebanyak **RM92.45 Juta bersamaan 42% daripada RM220.16 Juta** dan bagi belanja pembangunan ialah sebanyak **RM4.54 Juta bersamaan 31.56% daripada RM14.4 Juta**

11. Perbezaan dengan 6 bulan pertama pada tahun 2023 bagi belanja mengurus adalah berjumlah **RM94.71 Juta bersamaan 44.42% daripada RM213.24 Juta** dan bagi belanja pembangunan ialah sebanyak **RM2.01 Juta bersamaan 12.81% daripada RM15.74 Juta**

12. Jabatan Kewangan MBS telah mengadakan lawatan premis dan operasi kutipan cukai taksiran dari pintu ke pintu seperti ketetapan berikut ;
 - I. Taman Sri Pulai,
 - II. Taman Bandar Senawang,
 - III. Taman Kwong Tung,
 - IV. Bandar Ainsdale,
 - V. Taman Laman Sendayan,
 - VI. Dan premis-premis di kawasan Seremban & Nilai,

13. Hasil daripada aktiviti operasi kutipan yang dijalankan ini berjaya menghasilkan kutipan berjumlah **RM42,315.00** daripada **112 bilangan akaun**.

14. Selain itu, MBS turut turun padang bagi menyediakan perkhidmatan kaunter bergerak bagi ;
- i. Program Minggu Perpaduan & Integrasi Nasional Peringkat Negeri Sembilan 2024 (17 & 18 Mei - D'Tempat Country Club)
 - ii. Program Jelajah Kehakiman Negeri Sembilan 2024 (18 & 19 Mei – Mydin Mall Seremban 2)
15. Hasil dari program ini, kutipan bayaran bagi Cukai Taksiran, Denda Lewat & Kompaun berjaya meraih jumlah kutipan sebanyak **RM72,312.80**

SUMBER : JABATAN KEWANGAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

16. Sehingga 31 Mei 2024, MBS telah menjalankan aktiviti ;
- Kawalan *fogging* di **32,228** buah premis
 - *ULV* di **51,606** buah premis
 - *Larvaciding* di **213** lokaliti
 - *Source reduction* di **213** lokaliti
 - Gotong royong di **55** buah taman
17. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS mulai 1 Mei 2024 hingga 31 Mei 2024 mencatatkan;
- a. **Tanah Perkuburan Kristian Sendayan**
7 pengebumian
 - b. **Tanah Perkuburan Islam Ainsdale**
9 pengebumian jenazah,

c. Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2

58 pengebumian jenazah

d. Tanah Perkuburan Islam Nilai yang dibuka pada 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini sehingga 31 Mei 2024.

18. Selain itu, Jabatan Kesihatan Persekitaran telah mengadakan operasi penguatkuasaan bersepadu bagi lokaliti hotspot denggi di Kampung Jiboi Baru melibatkan pihak SWCorp, Pejabat Kesihatan Daerah Seremban, Jabatan Kesihatan Persekitaran MBS dan Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan MBS. Operasi ini adalah untuk memberi teguran dan membuat pemeriksaan kepada penduduk yang membuat renovasi rumah supaya dapat menguruskan sampah dengan betul supaya tidak menjadi tempat pembiakan jentik-jentik.

19. Selain daripada itu, “**Ops Premis Bersih**” siri 1/2024 di bawah Akta Makanan 1983 anjuran Unit Inspektorat dan Perundangan, Pejabat Kesihatan Daerah Seremban yang turut disertai MBS dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan telah diadakan pada 23 Mei 2024 yang lalu. Operasi ini bagi menguatkuasakan Akta Makanan 1983 iaitu turut meliputi Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 serta Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Dalam hal yang berkaitan MBS juga menjalankan aktiviti Pengauditan dan Star Rating Tandas Awam serta penguatkuasaan Larangan Penggunaan Beg plastik Sekali Guna sepanjang operasi berlangsung.

SUMBER : JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

20. Pada 27 Mei 2024 yang lalu, satu Taklimat Pemindahan ke Lokasi Pasar Baru Ampangan telah diadakan. Taklimat tersebut telah dipengerusikan oleh Tuan Setiausaha MBS yang turut dihadiri Ahli-Ahli Majlis MBS, Pengarah Jabatan Pelesenan, pegawai jabatan MBS, Syarikat NIRS Simple Solution dan peniaga-peniaga yang terlibat. Taklimat ini bertujuan untuk memperkenalkan syarikat baru dan memaklumkan pengurusan Pasar Baru Ampangan adalah di bawah pengurusan **Syarikat NIRS Simple Solution**.

21. Selain itu, Jabatan Pelesenan telah mengadakan sesi lawatan & turun padang bersama ;
 - i. **Encik Chong Say Hoo , Ahli Majlis** di Tapak Pasar Malam Madrasah Surau Garden Homes Seremban 2

 - ii. **YB Tuan Haji Mustaffa Nagoor, Exco Kerajaan Negeri Sembilan** di DJ Snooker Academy, Persada Cattleya Senawang bagi melihat permasalahan yang dihadapi pelesen.

 - iii. **YBhg. Datuk Latteffah Ali, Ahli Majlis MBS** di Gerai Cenderamata Jalan Pantai Seremban ekoran penyewa lama Syarikat Green island Sdn Bhd memohon untuk menguruskan semula gerai tersebut.

22. Pada 20 Jun 2024, program Walkabout MyKiosk di kawasan Nilai bersama, YB Tuan Arul Kumar A/L Jambunathan, Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan telah diadakan di Mykiosk Taman Desa Jasmin dan di Mykiosk Jalan 9 Avenue, Nilai untuk menyerahkan surat tawaran Mykiosk kepada 10 peniaga dan menyantuni para peniaga.

SUMBER : JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

23. MBS telah menghantar **10,495 notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilai (KPSN)** pada 19 & 26 April 2024 yang lalu. Susulan daripada Notis tersebut, pihak Majlis telah menerima **226 bantahan / rayuan** daripada pemilik harta yang tidak berpuas hati ke atas cadangan cukai taksiran yang baru. Jumlah tersebut adalah bersamaan 2.15% daripada 10,495 harta yang terlibat dengan pindaan cukai taksiran. Kebanyakan bantahan / rayuan cukai taksiran adalah terdiri daripada kawasan industri di Nilai.
24. Semua pemilik harta yang membuat bantahan telah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Lembaga Mendengar Bantahan / Rayuan Cukai Taksiran penggal 2/2024 yang diadakan pada 11 & 13 Jun yang lalu. Hampir semua pemilik yang dijemput telah diberikan peluang untuk menyatakan bantahan atau rayuan berkaitan pindaan cukai tersebut.

25. MBS telah memberikan penjelasan dan menjawab soala-soalan yang diajukan pemilik harta berkaitan cukai taksiran dan isu-isu lain yang berkaitan. MBS akan mengeluarkan surat keputusan dalam tempoh 2 minggu dan akan hantar kepada pemilik yang terlibat dan mula menguatkuasakan cukai taksiran baru pada 1 Julai 2024 akan datang.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

26. Mulai 1 Julai 2024, pihak MBS akan mula menguatkuasakan peratus kadar taksiran baru bagi harta industri iaitu 15% bagi harta berbangunan dan 10% bagi harta tanah kosong. Kenaikan kadar tersebut adalah selaras dengan arahan Kerajaan Negeri Sembilan kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan pada Disember 2023. PBT lain telah mula menaikkan kadar tersebut mulai 1 Januari 2024 manakala MBS telah memohon untuk dikuatkuasakan pada 1 Julai 2024 bertujuan untuk memberikan insentif kepada pemilik industri dan sebagai persediaan kepada pihak Majlis.

27. Daripada 300,000 pegangan harta bercukai dalam rekod MBS sebanyak 7,240 harta merupakan harta industri dan terlibat dengan kenaikan kadar taksiran tersebut. Daripada jumlah tersebut 5,333 adalah terdiri daripada harta berbangunan seperti kilang sesebuah, kilang berkembar, bengkel teres, pencawang elektrik, menara telekomunikasi, paip gas, paip minyak, kuari dan lain lain lagi. Manakala 1,871 harta adalah terdiri daripada tanah kosong yang masih belum dibangunkan atau masih dalam pembinaan. Sehubungan dengan itu, bil cukai taksiran penggal ke 2/2024 telah dihantar dan

pemilik boleh menyemak kenaikan kadar peratusan tersebut pada bil cukai taksiran masing-masing.

SUMBER : JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN

28. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Perancangan & Pembangunan kerana telah menjayakan Seminar Pembangunan Bandar Pintar & Rendah Karbon yang bertemakan **“MEMACU MALAYSIA VISION VALLEY KE ARAH BANDAR PINTAR DAN RENDAH KARBON”** berjaya menarik penyertaan seramai 300 orang untuk menggalakkan para professional, pemaju serta pihak berkepentingan melaksanakan inisiatif pembangunan bandar pintar dan bandar rendah karbon selaras bagi mendokong dan merealisasikan Dasar-Dasar Negara kearah Pertumbuhan Hijau dan Agenda Pembangunan Mampan.
29. Susulan daripada itu, turut diadakan lawatan lawatan benchmarking ini adalah untuk melawat dan belajar pengoperasian Bandung *Command Centre* dan Pusat Bank Sampah Bersinar yang beroperasi untuk tujuan program kitar semula dan pemahaman yang jelas berkenaan pengoperasian pentadbiran Kota Bandung.
30. Saya berharap seminar dan lawatan benchmarking yang telah diadakan ini dapat membantu Majlis Bandaraya Seremban bergerak melaksanakan pelbagai inisiatif yang telah digariskan untuk mencapai

Seremban ke arah Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon Menjelang 2027. Saya juga menyeru kepada semua ahli mesyuarat untuk kita bersama-sama dalam melaksana dan menjayakan inisiatif-inisiatif bandar pintar dan rendah karbon bagi mencapai objektif utama ini.

SUMBER : JABATAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

31. Pada 30 Mei 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS bersama KPKT telah mengadakan satu **lawatan pemantauan ke rumah-rumah yang terlibat di bawah peruntukan Fasa 3 Progam Pebasmian Kemiskinan Bandar Tahun (PPKB) 2023.** Lokasi-lokasi lawatan pemantauan adalah Taman Pinggiran Senawang, Rumah Rakyat Jiboi dan Rumah Rakyat Dusun Nyior.
32. Pemantauan ini dilaksanakan bagi Progam Pebasmian Kemiskinan Bandar Tahun yang dilaksanakan oleh pihak MBS yang melibatkan 4 buah rumah Ketua Isi Rumah (KIR) di bawah peruntukan Fasa 3 tahun 2023. Semua peruntukan telah disalurkan di bawah program ini di mana pihak MBS telah melaksanakan bantuan ini bermula 2019 sehingga kini. Kos keseluruhan bagi pembinaan baikpulih keempat-empat rumah ialah **RM56,450.00.**

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

33. Buat pertama kalinya, **Kumpulan Pesona Seremban MBS bersama Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara, Negeri Sembilan** telah mewakili Negeri Sembilan bagi membuat persembahan pada acara **Gelar Melayu Serumpun 2024** di Istana Maimun, Kota Medan. Program seni tarian kebudayaan yang menghimpunkan 30 kumpulan yang terdiri daripada 5 buah negara iaitu Malaysia, Singapura, Thailand, India & Indonesia telah dirasmikan oleh **Sandiaga Salahuddin Uno, Menteri Parawisata & Ekonomi Kreatif Indonesia**.

34. Delegasi Negeri Sembilan yang diketuai oleh **Puan Azura binti Abu Hassan** telah menerima sijil penghargaan penyertaan & cenderamata daripada Walikota Medan serta menyampaikan cenderamata balas kepada pemerintah Kota Medan & Konsul Jeneral Malaysia Medan. Tahniah diucapkan kepada kesemua peserta & urusetia yang telah berjaya menjayakan persembahan dan mengangkat seni budaya tarian serta nama Negeri Sembilan di peringkat antarabangsa ini.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

35. Pada bulan jun juga MBS telah mengadakan **Kejohanan Karom Terbuka Piala Datuk Bandar MBS 2024** di Dewan Coral Heights yang telah menarik penyertaan seramai 200 orang peserta dan julung-julung kalinya **Kejohanan Ragbi NS Premier Sevens International Invitations 2024** anjuran Kesatuan Ragbi Negeri Sembilan (NSRU) dengan kerjasama MBS telah diadakan pada 08 Jun 2024 hingga 09 Jun 2024 di Padang NS, Jalan Yam Tuan, Seremban.

36. Sebanyak 30 pasukan daripada dalam dan luar negara (**Jakarta & Aceh, Indonesia**) telah menyertai kejohanan ini dan 3 kategori dipertandingkan iaitu **Mens Open, Pre SUKMA-Mens U21, Pre SUKMA-Womens U21**. Terima kasih atas sokongan semua peserta yang bertanding dan tahniah diucapkan kepada kesemua pemenang.
37. Dalam pada itu, **Majlis Bacaan Yasin Sempena Ulang Tahun Keempat Majlis Bandaraya Seremban** diteruskan di Masjid As-Siddiqin Kariah Batang Benar, Mantin. Ini merupakan **masjid ke-20** yang dipilih semenjak program ini diadakan. Terima kasih diucapkan kepada kesemua ahli kariah dan warga MBS yang hadir bagi mengimarahkan majlis ini.

SUMBER : JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT& PELANCONGAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

38. Baru-baru ini, MBS melalui Jabatan Khidmat Pengurusan telah menganjurkan **Persidangan Pegawai Tadbir Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2024** pada 23-25 Jun 2024 di Lexis Hibiscus, Port Dickson. Persidangan ini telah dihadiri seramai 81 orang Pegawai Tadbir dari 22 Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia bertujuan untuk menubuhkan Persatuan Pegawai Tadbir Pihak Berkuasa Tempatan.
39. Urusetia juga telah mengadakan Majlis Makan Malam yang dihadiri **YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri** dan delegasi pegawai tadbir turut berkesempatan bertemu **YAB Menteri Besar** semasa lawatan di MBS. Tahniah diucapkan kepada **Encik Saiful Azuar bin Haji Ahmad Jadi**

yang telah dipilih sebagai Pengerusi Penaja Persatuan Pegawai Tadbir PBT 2024 Malaysia dan **Encik Muzhafar bin Mokhtar** sebagai Setiausaha.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

40. Surat Edaran JPA 100-1/4/1(18) bertarikh 18 April 2024 menekankan agar setiap pegawai awam “**Meninggkatkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan Yang Berintegriti**” YAB. Perdana Menteri telah menetapkan iltizam Kerajaan untuk melaksanakan islah dalam Perkhidmatan Awam terumanya berkaitan elemen tatakelola dan integriti. Penekanan kepada perkara ini adalah asas untuk memastikan perkhidmatan awam terus berfungsi sebagai tunjang kestabilan dan kesejahteraan negara. Ia memerlukan penjawat awam yang berpegang teguh kepada nilai-nilai murni, yang diterjemahkan ke dalam bentuk komitmen, produktiviti dan inovasi penyampaian perkhidmatan.
41. Dalam hubungan ini, pegawai awam wajar mengaplikasikan prinsip **H.E.M.A.T** yang merupakan akronim kepada H= (**Hijrah Tatakelola**), E= (**Empati Rakyat**) M= (**Minda Pekin**) A=(**Apresiasi**) dan T = (**Telus Tadbir**). Secara Umumnya, prinsip ini mengkehendaki pegawai awam untuk sentiasa berani berhijrah selaras dengan tuntutan perubahan semasa. Ianya dilaksanakan sejajar dengan konsep Malaysia MADANI serta aspirasi *the GREAT civil Sevices* bagi memastikan perkhidmatan awam sentiasa cekap, relevan dan berkesan. Besarlah harapan saya agar peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan

yang berintegriti dapat direalisasikan oleh semua pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban.

SUMBER : UNIT INTEGRITI

PENUTUP

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

42. Untuk meraih kejayaan, kita perlu memiliki visi yang jelas, tekad yang kuat, dan kerja kebaikan yang konsisten. Dalam **Surah Fussilat ayat 8**. Maksudnya ;

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dengan tulus ikhlas dan yang membuktikan iman mereka dengan mengerjakan kebajikan dan beramal soleh, mereka mendapat anugerah pahala yang sangat besar serta dilimpahi rezeki yang tidak ada putus-putusnya.”

Surah Fussilat ayat 8

43. Ayat-ayat ini menekankan pentingnya kerja yang tekun, konsisten, dan selalu berusaha untuk mencapai lebih baik. Dengan kata lain, konsistensi adalah asas yang kukuh untuk membina kejayaan dalam pelbagai bidang kehidupan. Ia memerlukan komitmen, disiplin, dan tekad yang teguh untuk terus bekerja keras walaupun dihadapi dengan pelbagai cabaran dan rintangan. Oleh itu dengan mengamalkan nilai-nilai ini dalam kehidupan seharian, pastinya kita akan dapat meraih kecemerlangan dalam kerjaya serta memelihara hubungan yang baik sesama manusia (*habluminannas*) dan mencipta hubungan bersama Yang Maha Esa (*habluminallah*), ***Dunia dapat akhirat pun dapat.***

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

44. Dalam perjalanan menuju kejayaan, terkadang kita akan menghadapi cabaran dan rintangan. Namun, dengan semangat pantang menyerah dan kerja keras, kita pasti akan melewati semua itu dan mencapai puncak kejayaan. Setiap langkah kecil yang kita ambil hari ini merupakan langkah menuju kejayaan yang lebih besar di masa depan. Teruslah berusaha keras, teruslah belajar dan berkembang, kerana kejayaan tidak ada batasnya bagi mereka yang tekun dan gigih

45. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada kesemua **79 penerima** terdiri daripada individu, jabatan, agensi & NGO yang telah menerima anugerah penghargaan sewaktu **Majlis Apresiasi Bandaraya MBS 2024** yang telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar pada jumaat lalu. Kecemerlangan yang anda tampilkan bukan sahaja membawa nama MBS tetapi kejayaan kita sebagai sebuah keluarga Bandaraya yang berusaha bersama, saling memerlukan antara satu sama lain untuk memelihara kesejahteraan Bandaraya Seremban yang dicintai ini.

Sekian, *Wabillah Wal Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
26 JUN 2024